

Kriteria Utama:

- Acara perlu selaras dengan garis panduan NESDEG
- Tidak boleh menerima pembiayaan daripada KBS untuk acara yang sama dalam tempoh 12 bulan yang lalu.
- Perlu mengemukakan kertas cadangan yang lengkap.
- Program perlu bersifat inklusif dan tidak bersifat komersial.



Syarikat Penganjur E-sukan

- Syarikat perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Perlu menyediakan akaun bank syarikat yang berdaftar.



Institut Pendidikan

- Perlu berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi sekolah dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi universiti/ institusi pengajian tinggi.
- Permohonan perlu dikemukakan oleh kelab yang diiktiraf, pendidik, atau badan pelajar dengan sokongan rasmi daripada institusi.
- Perlu menggunakan akaun bank sekolah/institusi (bukan akaun peribadi).



Badan Bukan Kerajaan (NGO) & Organisasi Belia Esukan

- Berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS), Pejabat Pendaftar, Pertubuhan Belia (ROY), atau Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS).
- Organisasi mestilah aktif dalam pembangunan e-sukan di peringkat akar umbi.
- Perlu menggunakan akaun bank rasmi organisasi yang berdaftar.



Pencipta Kandungan E-sukan

- Perlu mempunyai sekurang-kurangnya 5,000 pengikut (followers) di satu platform media sosial/penstriman seperti YouTube, TikTok, Twitch, Facebook dan sebagainya.
- Kandungan perlu selaras dengan nilai positif e-sukan (tiada unsur perjudian, kandungan berbahaya atau tingkah laku tidak beretika).
- Permohonan perlulah melalui syarikat atau organisasi yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) ataupun mendapat pengesahan daripada Institusi pendidikan
- Perlu menyediakan akaun bank syarikat yang berdaftar.

SIAPA YANG LAYAK MEMOHON DANA ESUKAN KBS 2026?

Permohonan dibuka kepada:

- Pasukan e-sukan, organisasi dan *startup*
- NGO termasuk persatuan e-sukan yang berdaftar
- Pencipta kandungan, streamer atau pengengaruh e-sukan (mempunyai minima 5,000 pengikut di satu platform media sosial/penstriman)
- Institusi akademik & pendidikan

Pemohon mestilah bewarganegara Malaysia atau penduduk tetap Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.

BAGAIMANA CARA UNTUK MEMOHON DANA ESUKAN KBS 2026 INI?

Permohonan perlu dibuat melalui laman sesawang <https://bit.ly/4lvvgFn> dan permohonan perlu dilakukan sebelum atau pada **26 April 2026**

BILAKAH TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM DANA ESUKAN KBS 2026?

Tempoh pelaksanaan program Dana Esukan KBS 2026 adalah bermula pada 1 Jun 2026 sehingga 31 Oktober 2026

APAKAH KATEGORI YANG BOLEH DIMOHON PADA TAHUN 2026?

Terdapat 2 kategori yang boleh dimohon iaitu Penganjuran Kejohanan E-sukan & Penciptaan Kandungan Digital E-sukan

BERAPA JUMLAH PERUNTUKKAN BAGI KEDUA DUA KATEGORI?

Jumlah peruntukan bagi kedua kategori bermula daripada RM5,000 sehingga RM20,000. Jumlah kelulusan bajet akan tertakluk kepada penilaian akhir kertas kerja oleh penilai Dana Esukan KBS 2026

ADAKAH DANA ESUKAN KBS 2026 MENERIMA PERMOHONAN INDIVIDU?

Setiap permohonan mestilah melalui syarikat, persatuan atau kelab yang berdaftar melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) ataupun mendapat pengesahan daripada Institusi pendidikan

ADAKAH PEMOHON BOLEH MENGHANTAR LEBIH DARIPADA SATU PERMOHONAN?

Boleh. Setiap organisasi boleh menghantar lebih daripada satu permohonan selagi cadangan projek adalah berbeza bagi setiap permohonan dan berpotensi memberikan impak tinggi

APAKAH BENTUK SOKONGAN YANG DISEDIAKAN SEMASA PELAKSANAAN?

Permohonan yang berjaya akan menerima:

- Kit sokongan geran
- Sesi semakan bulanan secara maya
- Bantuan teknikal (jika diperlukan)





FAQ



APAKAH DOKUMEN YANG PERLU DIHANTAR?

- Kertas cadangan projek (Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris mengikut templat yang diberikan)
- Muat turun templat kertas cadangan disini: <https://bit.ly/41bJ3rm>
- Profil lengkap organisasi (syarikat, persatuan atau kelab)
- Sijil pendaftaran entiti (SSM, ROS, ROY, PJS atau pengesahan Institusi pendidikan)
- Surat lantikan (jika berkenaan)
- Surat sokongan atau kerjasama (jika ada)
- Salinan kad pengenalan wakil pemohon (depan & belakang)
- Pautan media sosial atau contoh kandungan (untuk pencipta kandungan)

BAGAIMANA PROSES PEMILIHAN DIJALANKAN?

Pemilihan dijalankan dalam dua fasa:

- Fasa 1: Semakan kelayakan (Lulus/Gagal)
- Fasa 2: Penilaian markah matriks berasaskan impak, pelaksanaan, KPI, keterangkuman, rakan kerjasama dan bajet

APAKAH LANGKAH SETERUSNYA SEKIRANYA PROJEK SAYA TERPILIH?

Anda akan menerima emel rasmi dan perlu hadir ke sesi taklimat dalam talian. Selepas itu, perjanjian geran akan ditandatangani dan dana pertama akan disalurkan

BAGAIMANAKAH DANA AKAN DISALURKAN?

Penyaluran dana dilakukan dalam tiga peringkat:

PERATUSAN	PENYALURAN DANA
50%	selepas perjanjian ditandatangani
20%	selepas serahan laporan pertengahan projek
30%	selepas serahan laporan akhir dan projek selesai

ADAKAH SAYA BOLEH MENUKAR MAKLUMAT PERMOHONAN SELEPAS DIHANTAR?

Tidak boleh. Setiap serahan permohonan di laman sesawang ESI adalah muktamad. Sila pastikan segala maklumat telah disemak dengan teliti sebelum dihantar

BAGAIMANA SAYA BOLEH DAPATKAN BANTUAN UNTUK MENGISI BORANG PERMOHONAN?

- Anda boleh menghubungi pasukan sokongan di:
- Emel: DanaEsukanKBS@esportsintegrated.com
 - Telefon: 011-54295372

Atau menghadiri sesi Q&A dalam talian atau di Hari Terbuka Dana Esukan KBS 2026

BAGAIMANA JIKA ORGANISASI SAYA BARU SAHAJA DIDAFTRAKAN?

Organisasi baharu adalah layak untuk memohon. Namun, anda perlu menunjukkan kesediaan dan pelan projek yang realistik. Sokongan tambahan seperti surat sokongan, kerjasama terdahulu atau pengalaman penganjuran amat digalakkan untuk dilampirkan bersama